

**TEKS UCAPAN YAB PERDANA MENTERI: MAJLIS PERASMIAN
TERMINAL BERSEPADU GOMBAK**

By : DATO' SERI ANWAR IBRAHIM

Venue : TERMINAL BERSEPADU GOMBAK

Date : 29/09/2025

TEKS UCAPAN

YAB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM

PERDANA MENTERI

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN TERMINAL BERSEPADU GOMBAK

29 SEPTEMBER 2025 (ISNIN) | 12:15 TENGAH HARI

TERMINAL BERSEPADU GOMBAK

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera

Alhamdulillah nahmaduhu wa nusalli 'ala rasulil-karim wa 'ala alihi wa saħbihi ajma'in.

Saudara Menteri Tuan Loke Siew Fook,

Menteri Pengangkutan;

Saudara Menteri Senator Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail,

Menteri Dalam Negeri;

Rakan-rakan dari TEGAS dan dari Kementerian-Kementerian dan

Saudara-Saudari yang dimuliakan.

1. Alhamdulillah, pada hari ini sekali lagi kita menyaksikan satu lagi pembaharuan kemudahan sebenarnya untuk pengangkutan awam

untuk rakyat. Sebab itu, sepertimana yang diterangkan oleh Menteri YB Anthony Loke sebentar tadi, kemudahan itu agak menyeluruh. Dia tidak satu yang dipusatkan sepertimana yang terdahulu di mana dikhususkan. Sekarang ini kita selaraskan. Bagaimana boleh jadikan tempat dan ruang ini, stesen-stesen besar seperti ini memberikan kemudahan yang pelbagai kepada rakyat.

2. Sebab itu, untuk kawasan-kawasan baru, pembangunan stesen-stesen seperti ini ditekankan hal yang serupa. Pasar, dewan, kemudahan awam dan perumahan rakyat. Jadi kawasan di atas itu boleh dimanfaatkan dan ini mudah-mudahan menjadi satu contoh yang baik kerana setakat ini Terminal Bersepadu Gombak (TBG) ini merupakan yang di Gombak merupakan di antara yang besar. Dan sepertimana dicadangkan, kalau boleh digabungkan dengan ECRL, dia akan memudahkan perjalanan rakyat.
3. Saya difahamkan bahawa dia mengambil masa sedikit, terutama kerana dia belum menjadi terminal bas yang banyak. Tetapi permulaan itu mengambil waktu, dan saya harap dapat dukungan daripada syarikat-syarikat bas yang harus ditekankan supaya memudahkan perjalanan rakyat. Saudara juga tahu bahawa TBG ini telah tertangguh agak lama. Dan kini sudah siap, jadi kita sudah umpamanya kerugian beberapa tahun. Jadi sebab itu seluruh jentera kerajaan dan tentunya pengurusan TEGAS dan TBG harus mengambil langkah-langkah supaya menyegerakan penggunaan kemudahan ini.

4. Baik, ini maknanya dari segi kerangka kita dalam negara MADANI ini, memperbaiki infrastruktur ketersediaan yang perlu canggih, memenuhi tuntutan semasa, tetapi tidak terlepas daripada memastikan manfaatnya itu kepada rakyat terbanyak. Sebab itu dasar yang ditekankan ialah Dasar Pengangkutan Awam. Pengangkutan awam ini maknanya memberikan kemudahan kepada ramai.
5. Ada yang mengeluh kerana katanya kos itu agak sedikit tinggi. Kos penggunaan itu agak sedikit tinggi kerana kemudahan itu agak baru, canggih, menggunakan kemudahan-kemudahan yang agak cepat dan infrastruktur itu menyebabkan kos atau memerlukan kos yang sangat tinggi. Tetapi dalam Mesyuarat-Mesyuarat Jemaah Menteri umpamanya, Menteri YB Anthony Loke memang bangkitkan bagaimana kita boleh kawal supaya boleh memberikan tarikan yang lebih. Tapi saudara harus lihat secara keseluruhannya. Penggunaan kereta, minyaknya, parkingnya berbanding iaitu ketimbang penggunaan pengangkutan awam.
6. Setengah-setengah negara, untuk menggalakkan pengangkutan awam, dia dikenakan bayaran-bayaran untuk kenderaan lain masuk ke kota. Kita tidak mencadangkan begitu kerana buat sementara ini kita rasa mungkin membebankan. Tetapi sebaik sahaja lingkaran pengangkutan awam itu menyeluruh dan baik di seluruh negara, mana-mana kota besar harus memikirkan perkara itu.
7. Yang pernah kita cuba dulu, saya ingat lagi tahun 90-an, tetapi sangat tidak popular dan rakyat nampak bukan sahaja kurang selesa, nampak sangat kesal. Kerana bagi mereka, bas masa itu yang

disediakan itu tidak memenuhi keperluan mereka dan kesesakan bas itu sangat tidak menyenangkan.

8. Tetapi pengangkutan awam seperti yang disediakan hari ini, itu berbeda. Orang tidak boleh mengeluh mengatakan kemudahan itu, kemudahan yang menyebabkan kesesakan dan orang tidak selesa. Maksudnya, bas antara kota tidak salah saya dulu, sesak, orang panas, orang queue, tunggu tengah panas. Ini semua tidak berlaku. Dan sebab itu kita harus cari jalan bagaimana untuk menambahkan, dapat menarik penggunaan yang lebih, terutama bila diserasikan dengan ECRL.
9. Begitu juga ECRL, ECRL ini terkait dengan kemudahan TBG ini kerana ECRL itu punyai banyak stesen-stesen. Satu projek yang boleh dimanfaatkan sepenuhnya kalau matlamat kita menyediakan pasarana itu menyeluruh. Kalau setakat kereta api canggih saja, dia tidak memenuhi keperluan kita. Tetapi di setiap stesen disediakan tempat perniagaan, atau hotel, atau restoran atau kemudahan-kemudahan jabatan seperti mana yang dicadangkan oleh Menteri, YB Anthony Loke sebentar tadi — untuk JPJ, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Imigresen dan sebagainya. Maka dia akan jadi satu pusat kota yang baru.
10. Dan ini sepanjang Selangor, Pahang, Terengganu dan Kelantan. Terutama di Terengganu dan Kelantan di mana kadar pertumbuhan itu agak perlahan. Jadi sebab itu kita tentukan bahawa semua kawasan-kawasan itu dengan kerjasama Kerajaan Negeri dan Majlis Perbandaran disediakan tapak supaya stesen itu menjadi sebagai

pemangkin pertumbuhan ekonomi kawasan dan memenuhi keperluan ini.

11. Tetapi kalau untuk kota sekitar Kuala Lumpur, itu kita cadangkan lebih besar lagi iaitu stesen itu harus menjadi tempat pembangunan yang lebih besar. Seperti mana yang kita lihat diadakan di Kuala Lumpur, juga baru-baru ini diluncurkan bersama dengan Menteri Pengangkutan di Ipoh. Jadi, dia jadi stesen, dia jadi tempat penginapan, hotel, perumahan makna yang serba lengkap, dia memudahkan. Malah, kalau kawasan itu mengizinkan, kita akan sediakan juga sekolah bertingkat – vertical school. Jadi orang duduk situ tidak membebankan. Dia turun, keselamatan dia, pengangkutan dia, semua terjamin.
12. Ada juga ibu bapa yang bimbang. Dia kata, vertical school ini, sekolah tu kena bertingkat. Tapi jangan lupa, kalau sekolah itu didirikan, katalah kawasan ini, ada sekolah, ada perumahan. Orang yang tinggal di kawasan perumahan itu tidak perlu kos pengangkutan.
13. Tidak perlu kawasan keselamatan atau tidak perlu lagi umpamanya keresahan ibu bapa kerana terjamin anak-anak itu boleh dihantar ke pinggir rumah dengan blok sekolah yang baru dan kita juga tahu kesesakan kawasan untuk memenuhi keperluan pembangunan sekolah-sekolah yang baru semua ini kita fikirkan dalam apa yang disebut Kota MADANI ini, bagaimana kita lakukan di Putrajaya ada kita mulakan di Pulau Pinang dan beberapa projek baru yang kita rencanakan termasuk di sekitar Cheras.

14. Saudara-saudari saya hanya mengambil kesempatan ini sekali lagi untuk menyatakan penghargaan kepada rakan baik tegas dan juga pengangkutan dan semua yang terlibat dalam menjayakan projek ini memang tertanggung sekian tahun, tetapi ini menjadi satu contoh cuma gesaan menteri-menteri penting, kita boleh sediakan satu kemudahan canggih kelas pertama tapi kalau budaya kita itu terikat dengan cara lama, lempar sampah ke sana-sini, ia akan membebankan maknanya berubah mesti ada perubahan tidak semestinya perubahan itu pemikiran moden daripada keaslian kita kebersihan itu separuh daripada iman bagaimana mungkin orang menggunakan kemudahan asas baik tandasnya ataupun kawasan lalu lintasnya itu menjadi tempat pembuangan sampah yang tidak teratur lihat saja pantai-pantai saya semasa jadi Ahli Parlimen Port Dickson itu berhempas pulas kita mengadakan kempen, panggil bintang filem, artis, penyanyi untuk sama-sama tarik minat masyarakat tapi budaya itu boleh bertukar Majlis Pemandaran tentunya sediakan juga kemudahan tetapi budaya plastik di mana-mana kertas dan kotor jadi kita ada bangunan hari ini bersih lah macam itu kata betul esok belum tentu jadi budaya ini kita kena terapkan dan saya tidak mempunyai masalah sekiranya kita akan mula memikirkan bagaimana menghukum orang-orang yang menyebabkan sampah sarap dan kotoran itu begitu sahaja, dulu ada masalah batang rokok tapi memang akan menimbulkan sedikit kemarahan orang tetapi saya tidak fikir ada pilihan kita melalui nasihat, melalui kempen budaya, kempen kebersihan tapi mesti ada juga peraturan kerana kalau tidak saya bayangkan kos membangunkan prasarana seperti ini, kos mengadakan kemudahan tapi keistimewaan kita pertama, betul menteri kata ini untuk gambaran kita untuk pelancong benar, keperluan orang akan lihat tapi yang paling penting itu budaya kita mana boleh manusia mengizinkan sampah sarap di kawasan

hidupnya, rumahnya, kedainya, sekolahnya dan tempat pengangkutan awamnya itu tidak boleh.

15. Dia bertentangan dengan budaya kita, bertentangan dengan ajaran agama kita dan tentunya akan menyebabkan masalah dari segi gambaran perhatian orang ramai termasuk pelancong. Jadi sebab itu saya ingin ambil kesempatan ini sementara bersyukur kerana Allah SWT kerana kita berjaya dan terima kasih dan terutamanya orang rakyat Gombak, ini istimewalah orang Tambun belum dapat ini, Permatang Pauh belum ada, Gombak dulu itu, jadi tahniah kepada orang Gombak maka itu juga cabaran kepada orang Gombak dan persekitarannya untuk tunjukkan contoh terbaik mana dia stesen yang bersepadu, Gombak, mana yang terbaik dalam negara jawabnya Gombak, itu kita nilai tahun baru, tahun 2026 nanti belum tentu sekarang sekarang memang bersih tapi kita hendak tentukan supaya prestasinya dapat dipertahankan. Sekali lagi saya ucapkan tahniah kepada Menteri dan Kementerian Pengangkutan dan syarikat dan semua yang telah membantu menjayakan TBG ini.

Terima kasih.

Wasalammualaikum warahmatullah hi wabaraktuh.

Copyright of the Prime Minister's Office Official Website

Source: <https://www.pmo.gov.my/2025/09/teks-ucapan-yab-perdana-menteri-majlis-perasmian-terminal-bersepadu-gombak-2/>